

SISTEM BAHASA



Tatabahasa

Pilih kata ganda yang betul.

bantu-membantu

sedap-sedap

tetamu

pepohon

bebola

jejentik

anai-anai

lauk-pauk

rama-rama

lintang-pukang

1. Makanan yang dimasak oleh emak _____ belaka.
2. Adik saya suka mengejar _____ di taman bunga.
3. Siti memasukkan lima biji _____ ikan dalam mi rebus yang dimasaknya.
4. Almarinya rosak dimakan oleh _____.
5. Penduduk kampung itu hidup dalam suasana yang aman damai kerana mereka saling _____.
6. Ramai _____ yang hadir dalam majlis perkahwinan anak Haji Taib.
7. Ibu memasak _____ yang enak untuk saudara-mara yang datang dari Kuala Belait.
8. Air yang bertakung dalam sesebuah bekas hendaklah dibuang bagi menghalang _____ membiak.
9. Samy berlari _____ apabila dikejar oleh anjing.
10. Taman itu dipenuhi _____ yang menghijau.